

**Analisis Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Kinerja Karyawan
pada Perusahaan Furniture: Studi pada Karyawan Perusahaan
Furniture di Kecamatan Gemolong**

Chuzaimah

**Studi Efektivitas Pelayanan Publik di Kecamatan Kejaksan
Kota Cirebon**

Layaman dan Suci Hartati

**Studi Perilaku Konsumen terhadap Keputusan Pembelian Air
Minum AQUA di Kota Surakarta**

Moech. Nasir

**Pengaruh Gender terhadap Perbedaan Specific Values pada
Mahasiswa Akuntansi**

Dian Indri Purnamasari

The Role of Perceived Enjoyment on Motivating the Internet Use

Mujiyati dan Didi Achyari

**Potensi dan Cabaran terhadap Perluasan Sumber Zakat Sektor
Pertanian di Malaysia**

Sanep Ahmad, Hairunnizam Wahid, dan Wiyadi

**Karakteristik Personal dan Kepuasan Kerja Tenaga Edukatif
Perguruan Tinggi di Surakarta**

Sujadi

**Faktor-faktor Sebagai Pertimbangan Konsumen dalam
Melakukan Pembelian di Supermarket**

Yuli Tri Cahyono

DAFTAR ISI

- **Analisis Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Kinerja Karyawan pada Perusahaan Furniture: Studi pada Karyawan Perusahaan Furniture di Kecamatan Gemolong**
Chuzaimah 1 - 14
- **Studi Efektivitas Pelayanan Publik di Kecamatan Kejaksan Kota Cirebon**
Layaman dan Suci Hartati 15 - 28
- **Studi Perilaku Konsumen terhadap Keputusan Pembelian Air Minum AQUA di Kota Surakarta**
Moech. Nasir 29 - 44
- **Pengaruh Gender terhadap Perbedaan Spesific Values pada Mahasiswa Akuntansi**
Dian Indri Purnamasari 45 - 51
- **The Role of Perceived Enjoyment on Motivating the Internet Use**
Mujiyati dan Didi Achyari 52 - 64
- **Potensi dan Cabaran terhadap Perluasan Sumber Zakat Sektor Pertanian di Malaysia**
Sanep Ahmad, Hairunnizam Wahid, dan Wiyadi 65 - 75
- **Karakteristik Personal dan Kepuasan Kerja Tenaga Edukatif Perguruan Tinggi di Surakarta**
Sujadi 76 - 86
- **Faktor-faktor Sebagai Pertimbangan Konsumen dalam Melakukan Pembelian di Supermarket**
Yuli Tri Cahyono 87 - 101

Diterbitkan oleh:

Balai Penelitian dan Pengembangan Ekonomi (BPPE) Fakultas Ekonomi Universitas Muhammadiyah Surakarta
bekerja sama dengan Ikatan Sarjana Ekonomi Indonesia Cabang Surakarta
Jalan A. Yani Pabelan Kartasura Tromol Pos I Surakarta 57102, Telp. (0271) 717417 psw 229,
Fax (0271) 715448, E-mail: rmb_anton@yahoo.com, ihwan_ss@yahoo.com **Websites:** www.ums.ac.id

POTENSI DAN CABARAN TERHADAP PERLUASAN SUMBER ZAKAT SEKTOR PERTANIAN DI MALAYSIA

Sanep Ahmad¹

Hairunnizam Wahid¹

Wiyadi¹

¹ Fakulti Ekonomi dan Perniagaan Universiti Kebangsaan Malaysia

43600 Bangi, Selangor Malaysia Telp 03-8921 3262/ 3954/ 3753/ 5374 Fax: 03-8925 1821

E-mail: wiyadiums@yahoo.com

Abstract

Since the early Islamic period zakat on agriculture sectors were being collected limited only on primary traditional sources such as paddy, wheat, camel, cow and goat. However, in the modern time today agriculture sector has been commercialized. Farmers regardless of their activities were capable of yielding good returns probably higher than the traditional sources of zakat. The question is, are these farmers not obliged to pay zakat and what is the possibility of widening zakat base on agriculture sector. In this regards this study attempts to examine the possibilities of widening agriculture zakat base, and then evaluating people perception and analyzing the challenges. This study utilizes primary data for Malaysia and uses descriptive analysis and logit model in analyzing the data. The results show that based on income criteria there are possibilities to extend agriculture zakat base and this step is expected to received good response from the society.

Keywords: customer value, individual environment, decision making

PENDAHULUAN

Zakat merupakan satu pembayaran yang wajib dikeluarkan oleh orang tertentu berdasarkan kepada syarat tertentu dan diagihkan kepada golongan tertentu. Ia boleh dianggap sebagai salah satu alat dasar fiskal di samping sistem kewangan Islam yang berperanan sebagai sumber kewangan dan penyelaras bagi kebajikan sosial masyarakat. Namun demikian keupayaan, peranan dan kepentingan zakat sebagai satu alat dasar fiskal sering dipersoalkan. Ini adalah kerana bukan sahaja sumbangan zakat **terlalu rendah berbanding cukai** malah tindak balas pengenaan zakat dikatakan tidak begitu kuat berbanding cukai. Lantaran itu zakat dikatakan kurang berjaya dalam menangani

masalah kebajikan sosial masyarakat. Secara umumnya kutipan zakat sektor pertanian dan ternakan adalah sentiasa kurang daripada 1 persen daripada jumlah keseluruhan kutipan zakat bagi semua negeri di Malaysia. Kutipan zakat sektor pertanian selama ini hanya tertumpu kepada jenis tanaman dan ternakan yang disepakati zakat atasnya sahaja. Tanaman yang disepakati zakat adalah tanaman makanan asasi seperti padi dan haiwan ternakan seperti lembu dan kambing.

Pada masa kini zakat sektor pertanian hanya bergantung kepada sektor pertanian yang disepakati zakat atasnya sahaja seperti zakat atas tanaman makanan asasi seperti gandum, beras, jagung, dan haiwan ternakan seperti lembu, kambing, dan unta. Batasan ini

menjadikan sumber zakat bagi sektor pertanian amat terhad dan peranannya tidak dapat dikembangkan. Kini usaha pertanian telah mencapai kemajuan. Banyak hasil tanaman dan ternakan bagi harta yang tidak wajib zakat secara ijmak dapat mengeluarkan hasil yang lumayan, yang berkemungkinan lebih lumayan berbanding hasil tanaman dan ternakan bagi harta yang disepakati wajib zakat. Sebagai contoh hasil tanaman kelapa sawit dan ternakan ayam daging boleh mendatangkan hasil sebanding hasil tanaman padi dan ternakan kambing masing-masing. Oleh itu jika padi dan kambing dikenakan zakat maka ada kemungkinan boleh dibenarkan untuk mengenakan zakat ke atas kelapa sawit dan ternakan ayam. Ini adalah kerana kedua-dua *illahnya* adalah sama iaitu dizakatkan ke atas sumber harta yang berpotensi berkembang (Hailani, 2004). Lantaran itu pelbagai usaha boleh dilakukan untuk cuba menerokai kemungkinan mengenakan zakat pada hasil tanaman lain dengan harapan hasil zakat sektor pertanian dapat ditambah dan seterusnya supaya peranannya dalam membangun kebajikan sosial masyarakat dapat ditingkatkan.

Harus difahami bahawa pada masa kini terdapat banyak lagi jenis tanaman dan ternakan yang dapat memberi hasil pendapatan yang lumayan, yang setara atau mungkin lebih baik daripada hasil tanaman dan ternakan yang diwajibkan zakat. Akan tetapi oleh kerana hasil usaha tersebut tidak diwajibkan zakat secara ikhtifak maka ia tidak dizakat. Jika dinilai dari segi pendapatan misalnya, hasil tanaman kelapa sawit mungkin sebanding dengan hasil tanaman padi, manakala hasil ternakan ikan atau ayam mungkin sebanding dengan hasil ternakan kambing dan lembu. Oleh itu jika hasil tanaman padi dan ternakan kambing dikenakan zakat maka adakah tidak mungkin jika tanaman kelapa sawit dan ternakan ikan atau ayam juga dikenakan zakat.

Sehubungan dengan persoalan di atas, kajian perlu dilakukan untuk mengkaji kemungkinan dan potensi untuk memperluaskan sumber zakat sektor pertanian dan ternakan kepada jenis tanaman dan ternakan yang lain serta meneliti reaksi masyarakat terhadap langkah tersebut. Oleh itu objektif kajian ini adalah untuk mengkaji peluang memperluaskan sumber zakat sektor pertanian kepada jenis tanaman yang diikhtilaf serta menilai bagaimana reaksi masyarakat terhadap langkah tersebut. Kajian ini juga ingin menguji apakah faktor yang mempengaruhi pembayaran zakat pertanian dan seterusnya mengenalpasti cabaran yang akan dihadapi untuk melaksanakan serta meningkatkan jumlah kutipan zakat.

Kajian lepas untuk riset ini sebagai berikut; di dalam pelaksanaan zakat harta umumnya terdapat dua kategori harta yang dizakat iaitu harta yang *diikhtifak* (sepakati) wajib zakat atasnya dan harta yang *diikhtilaf* (tidak disepakati) wajib zakat ke atasnya. Harta yang diikhtifak wajib zakat bermaksud harta yang disepakati wajib zakat oleh para fuqaha berdasarkan dalil al-Quran dan al-Hadis. Dalam kategori ini tidak terdapat perselisihan pendapat fuqaha tentang wajib zakat atas harta tersebut misalnya zakat atas emas, gandum, kambing dan lembu. Bagi harta yang *diikhtilaf* wajib zakat pula adalah harta yang tidak disepakati wajib zakat atasnya oleh para fuqaha. Di dalam kategori harta ini terdapat perselisihan pendapat fuqaha tentang wajib zakat atas harta tersebut misalnya zakat atas pendapatan gaji, tanaman sayuran, dan ternakan kuda dan keledai.

Perbezaan pandangan fuqaha tentang zakat bagi harta yang diikhtilaf wajib zakat ada dibincangkan oleh Sayid Sabiq (1981) dan Wahbah (1994). Perbezaan pandangan fuqaha boleh dilihat bagi kes tanaman, ternakan, dan harta galian. Berhubung dengan zakat tanaman

selain yang diikhtifak, perbezaan pandangan mereka boleh diringkaskan seperti berikut:

1. *Mazhab Abu Hanifah*

Mazhab Abu Hanifah berpandangan wajib zakat pada setiap yang ditanam dan ditumbuhkan bumi sekiranya menanamnya dengan maksud mengambil hasil bumi, tiada bezanya samada sayuran atau lainnya. Dikecualikan zakat bagi kayu bakar, rumput, dan pohon yang tidak berbuah.

2. *Mazhab Malik*

Mazhab Malik mengatakan wajib zakat bagi tanaman yang tahan dan kering serta niat ditanam samada sebagai makanan pokok (seperti gandum dan beras) atau tidak (seperti kunyit dan bijan). Zakat adalah tidak wajib bagi sayuran dan buah-buahan.

3. *Mazhab Syafie*

Zakat wajib bagi apa yang dihasilkan bumi dengan syarat ia menjadi makanan pokok dan boleh disimpan. Tanaman selainnya tidak dikenakan zakat.

4. *Mazhab Ahmad*

Mazhab Ahmad mengatakan wajib zakat bagi setiap yang dikeluarkan Allah dari bumi samada berupa bijian atau buah-buahan asal-kan ia ditanam oleh manusia tidak kira sama ada ia makanan pokok atau tidak. Bagi aspek buah-buahan, disyaratkan ia adalah buahan kering. Oleh itu tidak wajib dikenakan zakat bagi buah basah seperti semangka, pepaya, dan mentimun.

Bagi kes ternakan pula fuqaha bersetuju bahawa tidak wajib zakat bagi haiwan selain daripada *al-an'am*. Oleh itu tidak wajib zakat bagi kuda, keledai, dan sebagainya kecuali jika diperniagakan.

Bagi harta galian pula fuqaha berbeza pandangan tentang harta galian mengikut sifatnya iaitu yang boleh dilebur atau tidak. Perbezaan pandangan mereka adalah seperti berikut:

1. *Mazhab Abu Hanifah*

Mazhab ini mengatakan bahawa semua galian yang dapat dilebur dengan api wajib dizakat. Manakala bagi harta galian yang tidak cair seperti permata adalah tidak diwajibkan zakat.

2. *Mazhab Malik dan Syafie*

Zakat galian adalah wajib hanya pada emas dan perak sahaja. Tidak wajib zakat pada galian selain kedua-dua logam di atas.

3. *Mazhab Ahmad*

Mazhab Ahmad mengatakan bahawa semua hasil bumi yang berharga dan tercipta di dalamnya adalah wajib zakat dengan syarat cukup nisab. Tidak kira sama ada pejal atau cair, boleh lebur atau tidak seperti emas, perak, permata, zamrud, belerang, dan minyak.

Perbezaan pelbagai pandangan di atas menunjukkan bahawa masih terdapat ruang untuk mengenakan zakat bagi harta yang *diikhtilaf* wajib zakat mengikut sesuatu mazhab mengikut keadaan masa kini. Bagi kes zakat tanaman misalnya jika berpanduan kepada pandangan mazhab Abu Hanifah maka tanaman seperti kelapa sawit, getah dan nenas boleh dikenakan zakat. Begitu juga dengan kes ternakan ayam dan ikan yang diperniagakan maka zakat ke atasnya boleh dipertimbangkan memandangkan ia dilakukan untuk maksud perniagaan. Untuk galian pula, pandangan Mazhab Ahmad jelas bahawa setiap yang dikeluarkan bumi boleh dizakat. Rumusan penting yang boleh disimpulkan di sini ialah masih terdapat banyak ruang untuk mengenal-

pasti jenis harta tanaman dan ternakan serta galian yang sesuai untuk dikenakan zakat.

Perbincangan tentang zakat bagi sumber yang diikhtilaf secara khusus mula dilakukan pada tahun 1984 dalam muktamar zakat yang pertama di Kuwait. Beberapa jenis harta mula disebut sebagai wajib zakat seperti harta saham, bon dan harta *al-mustaghallat* oleh Atiyah (1988). Bagi kes Malaysia perbincangan mula dilakukan bagi kes pendapatan profesional dan pendapatan gaji. Kemungkinan mengenakan zakat atas pendapatan profesional mula dibincangkan secara terperinci oleh Mahmood Zuhdi (1992) manakala bagi kes zakat pendapatan gaji pula telah dibincangkan oleh Mujaini (2003). Walaupun terdapat perbezaan pandangan dalam kes pendapatan gaji namun kesimpulan yang diberi kini merumuskan bahawa adalah wajib zakat dikenakan ke atas pendapatan gaji. Kini ia bukan sahaja disepakati ulama ke atas kewajipan zakat bagi pendapatan gaji tetapi masyarakat umum juga telah mula menerima kewajipan tersebut. Jika kes pendapatan gaji dapat dibincangkan dan diputuskan dengan baik maka kes harta lain yang *diikhtilaf* juga boleh dilakukan seperti ini. Perbincangan dan penerangan perlu dilakukan ke atas harta *diikhtilaf* yang lain secara konsisten sebagaimana dilakukan ke atas pendapatan gaji supaya lebih banyak harta *diikhtilaf* dapat dipertimbangkan dan diputuskan tentang kewajipan zakat ke atasnya. Kajian ini merasakan perlu dianalisis sejauhmanakah masyarakat memahami secara jelas harta yang *diikhtilaf* atau *diittifak*. Ini adalah kerana ini akan menentukan sejauhmanakah mereka akan menerima pelaksanaan zakat ke atas harta yang *diikhtilaf* dan seterusnya membayar zakat. Faktor ini juga penting memandangkan terdapat kajian oleh Mohd Ali dan et al. (2001) yang mendapati faktor pengetahuan zakat amat signifikan mempengaruhi pembayaran zakat pendapatan.

Memandangkan masalah bocoran kutipan zakat akan membawa kesan kepada jumlah kutipan maka persoalan ini perlu diperhatikan. Sebagaimana berlaku dalam kes zakat pendapatan gaji dimana terdapat masalah kepatuhan individu membayar zakat sebagaimana disentuh oleh Kamil Md Idris (2002) maka dijangkakan juga bahawa masalah yang sama akan berlaku pada kes zakat bagi harta diikhtilaf. Oleh itu persoalan kepatuhan membayar zakat harta diikhtilaf khususnya membayar kepada institusi zakat yang formal perlu juga diberi perhatian. Ini disebabkan antara lainnya adalah faktor persepsi masyarakat terhadap agihan zakat oleh institusi formal. Kajian Sanep & Hairunnizam (2004) mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi agihan zakat oleh pembayar zakat dengan pembayaran zakat melalui institusi formal. Oleh itu kajian ini juga akan menguji sejauhmanakah faktor persepsi ini mempengaruhi pembayaran zakat pertanian.

METODE PENELITIAN

Analisis kajian ini adalah kepada individu Islam merangkumi beberapa negeri di Malaysia. Pensampelan dilakukan secara rawak ke atas 837 individu di Semenanjung Malaysia yang terlibat dengan sektor pertanian. Setiap negeri diwakili oleh bilangan individu yang berbeza secara umumnya bergantung kepada saiz penduduk.

Data akan dianalisis menggunakan analisis regresi logistik mengikut negeri untuk melihat kebarangkalian individu membayar zakat pertanian. Pembolehubah bersandar dalam kajian ini berbentuk diktomus iaitu samada membayar zakat pertanian atau tidak. Memandangkan pembolehubah bersandar berbentuk diktomus dan pembolehubah bebas yang digunakan kebanyakannya berbentuk diktomus maka model ini sesuai dianggarkan

dengan menggunakan model logit binomial. Model yang akan dianggarkan secara umumnya adalah seperti berikut:

$$P_i = E(Y = 1/X) = 1 / (1 + e^{-Z}) \quad \text{.....(1)}$$

dimana:

P_i adalah kebarangkalian bagi responden yang membayar zakat pertanian iaitu $Y = 1$ dan $Y = 0$ bagi responden yang tidak membayar zakat pertanian.

Persamaan (1) boleh ditulis dalam bentuk berikut:

$$P_i = 1 / (1 + e^{-Z}) = e^Z / (1 + e^Z) \quad \text{.....(2)}$$

Jika P_i adalah kebarangkalian bagi responden patuh iaitu $Y = 1$ maka kebarangkalian bagi responden tidak membayar zakat pertanian ialah $Y = 0$ ialah $(1 - P_i)$. Oleh itu kebarangkalian tidak membayar zakat pertanian ialah:

$$(1 - P_i) = 1 / (1 + e^Z) \quad \text{.....(3)}$$

Oleh itu ratio kebarangkalian untuk responden membayar zakat pertanian adalah dalam persamaan (4) iaitu:

$$P_i / (1 - P_i) = e^Z \quad \text{.....(4)}$$

Dengan mengambil natural log bagi persamaan (4) maka akan mendapat persamaan (5) iaitu:

$$\begin{aligned} L &= \ln(P_i / (1 - P_i)) = \ln(e^Z) \\ &= Z_i \\ &= f(X) \quad \text{.....(5)} \end{aligned}$$

Berdasarkan persamaan (5) kajian ini juga menguji beberapa pembolehubah yang diper-

timbangkan mempengaruhi kebarangkalian membayar zakat pertanian iaitu:

$$Z_i = \beta_0 + \beta_1 X_1 + \beta_2 X_2 + \beta_3 X_3 + \dots + \beta_i X_i \quad \text{.....(6)}$$

dimana Z_i adalah satu fungsi $f(X)$ dengan X adalah pemboleh bebas yang dipertimbangkan iaitu jantina, umur, taraf perkahwinan, pengetahuan agama, taraf pendidikan, pendapatan bulanan, bilangan tanggungan, perbelanjaan isi rumah bulanan, persepsi terhadap agihan zakat oleh institusi zakat dan kefahaman harta yang dikenakan zakat.

Oleh itu berpandukan kepada persamaan (6), model khusus yang akan dianggarkan dalam kajian ini ialah:

$$\begin{aligned} L = \ln(P_i / (1 - P_i)) &= \beta_0 + \beta_1 X_1 + \beta_2 X_2 + \\ &\beta_3 X_3 + \beta_4 X_4 + \beta_5 X_5 + \\ &\beta_6 X_6 + \beta_7 X_7 + \beta_8 X_8 + \\ &\beta_9 X_9 + \beta_{10} X_{10} \quad \text{.....(7)} \end{aligned}$$

dimana:

- L adalah log bagi nisbah 'odds' membayar zakat pertanian
- X_1 adalah dumi jantina; = 1 untuk lelaki, 0 untuk wanita
- X_2 adalah umur responden
- X_3 adalah taraf perkahwinan
- X_4 adalah dumi pengetahuan agama; = 1 untuk berpengetahuan agama, 0 untuk tiada pengetahuan agama
- X_5 adalah dumi tahap pendidikan; = 1 untuk berpendidikan tinggi, 0 untuk tidak berpendidikan tinggi
- X_6 adalah jumlah pendapatan bulanan
- X_7 adalah bilangan tanggungan
- X_8 adalah jumlah perbelanjaan bulanan isi rumah

- X₉ adalah dami kepuasan agihan zakat, = 1 jika berpuas hati, 0 jika tidak berpuas hati
- X₁₀ adalah dami kefahaman harta yang dikenakan zakat; = 1 jika faham, 0 jika tidak faham.

Pembolehubah jumlah pendapatan digunakan memandangkan ia merupakan salah satu pembolehubah yang penting mempengaruhi pembayaran zakat (Zyadi & Mariani 1999). Pembolehubah lain seperti bilangan tanggungan juga dilihat memandangkan ia merupakan pembolehubah yang penting dalam penentuan had kifayah penerima zakat (Zainal Abidin, 2003). Faktor lain seperti jantina, pengetahuan agama dan sebagainya juga turut dikaji untuk menguji sejauhmanakah ia signifikan mempengaruhi pembayaran zakat melalui institusi formal seperti yang telah dilakukan oleh kajian yang lepas (Kamil 2002 & Mohd Ali et.al 2003). Dalam kajian ini pembolehubah kepuasan agihan zakat dijangkakan signifikan mempengaruhi pembayaran secara formal secara positif. Pembolehubah bersandar adalah bernilai 1 jika responden menyatakan membayar zakat pertanian dan sebaliknya bernilai nilai 0 jika responden tidak membayar zakat pertanian.

HASIL PENELITIAN DAN PEMBAHASAN

Perbezaan pandangan fuqaha tentang zakat bagi harta yang *diikhtilaf* memberi ruang untuk dikenalpasti sumber baru harta yang boleh dizakat. Dalam kes seperti ini, pandangan berbagai mazhab harus dipertimbangkan bersama dan tidak seharusnya berpegang kepada satu mazhab sahaja. Apa yang penting ialah ada pandangan dari sesuatu mazhab yang membolehkannya Bersesuaian dengan keadaan aktiviti ekonomi semasa beberapa jenis harta berikut boleh dipertimbangkan untuk dizakat berdasarkan kepada pandangan sesuatu mazhab. Walaupun jenis harta yang boleh dipertimbangkan adalah banyak namun beberapa jenis yang boleh diambil perhatian adalah seperti disajikan dalam *Jadual 1*.

Oleh kerana harta yang dipertimbangkan adalah harta yang *diikhtilaf* maka individu masyarakat juga akan berbeza pandangan dan persetujuan walaupun hukum wajib ke atasnya telah diputuskan oleh ulama. Schubungan dengan itu keputusan kajian dapat menunjukkan bagaimanakah reaksi masyarakat terhadap langkah tersebut.

Jadual 1 menunjukkan bahawa secara umum peratus masyarakat yang akan menerima langkah mewajibkan zakat ke atas harta yang *diikhtilaf* yang disenaraikan. Berdasarkan *Jadual 2*, secara keseluruhannya sebanyak

Jadual 1. Kategori Harta untuk Di zakat

Kategori Harta	Mazhab	Jenis harta dikenalpasti
1. Tanaman	Abu Hanifah - setiap yang ditumbuhkan bumi	Kelapa sawit, dusun, getah, koko, sayuran, madu
2. Ternakan	Ijmak ulama – ternakan yang diperniagakan	Ayam, itik, ikan, burung, burung unta, arnab
3. Galian	Ahmad – semua hasil bumi yang berharga	Timah, besi, permata, minyak

Jadual 2. Tanggapan tentang Sumber Ikhtilaf di Malaysia

Jenis Harta	Tanggapan (%)		
	Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti
Hasil Jualan Pertanian			
Kelapa Sawit	67,6	8,9	23,5
Hasil Dusun/Buahan	60,3	13,1	26,6
Getah	61,6	11,2	27,3
Koko	57,8	12,0	30,2
Sayuran	41,9	22,1	36,0
Madu Lebah	33,8	23,9	42,3
Purata	53,8	15,2	31,0
Hasil Jualan Ternakan			
Ayam	48,9	22,0	29,1
Itik	45,1	23,3	31,6
Ikan	42,2	25,0	32,8
Burung	35,4	27,8	36,8
Burung Unta	44,1	21,0	34,9
Arnab	35,6	26,2	38,2
Purata	41,9	24,2	33,9
Hasil Galian			
Bijih Timah	74,1	4,1	21,8
Bijih Besi	72,1	4,7	23,2
Permata	72,4	5,1	22,5
Petroleum	74,0	4,3	21,7
Purata	73,2	4,55	22,3
Purata Keseluruhan	52,9	14,9	32,2

52,9 persen responden bersetuju, 14,9 persen responden tidak bersetuju dan 32,2 persen pula menyatakan tidak pasti. Perincian mengikut jenis aktiviti pula menunjukkan bahawa individu kurang bersetuju untuk mengenakan zakat bagi ternakan ayam, itik dan sebagainya. Bukti ini menunjukkan bahawa individu kurang bersetuju untuk mengenakan zakat kepada ternakan lain selain kambing, lembu, dan unta. Gambaran umum ini menunjukkan bahawa peratus yang bersetuju tidak begitu tinggi walaupun ia melebihi 50 persen. Angka ini juga memberikan gambaran bahawa masyarakat keseluruhannya masih berbelah bagi tentang kewajiban membayar zakat ke atas harta yang *diikhtilaf* kerana jumlah yang bersetuju dan tidak

bersetuju tidak berbeza secara signifikan. Oleh itu walaupun kemungkinan untuk berjaya dalam melaksanakan langkah tersebut adalah positif tetapi ia bukanlah satu langkah mudah.

Persetujuan individu mengikut negeri juga menunjukkan persetujuan yang rendah. Secara purata hampir keseluruhan negeri secara individu menunjukkan peratus persetujuan sekitar 50 persen. Jika dirujuk kepada ternakan, umumnya peratus persetujuan keatas zakat bagi ternakan yang dinyatakan adalah rendah iaitu sekitar 40 persen sahaja. Namun demikian bagi tanaman yang dinyatakan umumnya peratus persetujuan adalah agak tinggi iaitu melebihi 50 persen. Oleh itu dapat dirumuskan bahawa peratus persetujuan bagi

mengenakan zakat untuk tanaman dinyatakan adalah sekitar 50 persen. Manakala peratus persetujuan bagi mengenakan zakat bagi usaha ternakan yang dinyatakan adalah kurang 40 persen dan peratus persetujuan bagi mengenakan zakat galian yang dinyatakan adalah sekitar 70 persen. Keputusan ini juga menunjukkan masyarakat sebahagian besarnya masih lagi kurang yakin dengan pelaksanaan zakat ke atas harta yang *diikhtilaf*

Jadual 3 pula menunjukkan kekerapan responden membayar zakat pertanian. Hasil kajian mendapati masih ramai yang tidak membayar zakat pertanian iaitu sebanyak 93,7 persen berbanding mereka yang membayar zakat pertanian iaitu sebanyak 6,3 persen. Ini kemungkinan disebabkan mereka tidak memahami secara jelas dan tepat harta yang dikenakan zakat pertanian. Jika mereka memahaminya berkemungkinan hasil pertanian yang diperolehi mungkin juga tidak mencukupi paras nisab untuk dikenakan zakat walaupun setelah cukup haulnya.

Jadual 3. Kekerapan Membayar Zakat Pertanian

	Kekerapan	Peratusan
Membayar	53	6,3
Tidak Membayar	784	93,7
Jumlah	837	100.0

Berdasarkan jadual 4, ia jelas menunjukkan bahawa ramai yang tidak membayar zakat pertanian dan hasil pertanian adalah kurang daripada RM10,000 iaitu sebanyak 87.8% daripada 245 responden yang memberi maklum balas. Sepertimana yang dinyatakan sebelum ini, kemungkinan disebabkan oleh hasil pertanian yang diperolehi adalah kurang daripada nisabnya yang tidak mewajibkan mereka untuk membayar zakat. Terdapat 11 responden yang memiliki hasil pertanian yang melebihi RM10,000 yang membayar zakat berbanding 19 responden yang tidak membayar zakat. Walau bagaimanapun kajian ini juga menunjukkan hasil pertanian yang diperolehi adalah tidaklah begitu besar memandangkan ekonomi negara ini telah beralih ke industri pembuatan. Ini menyokong pandangan awal bahawa jumlah kutipan zakat pertanian di Malaysia amat rendah.

Jadual 4. Ujian Silang antara Hasil Pertanian dan Membayar Zakat Pertanian

Hasil Pertanian	Bayar Zakat Pertanian		Jumlah	Peratus
	Tidak	Ya		
Kurang RM10,000	194	21	215	87,75
RM10,000-RM19,999	7	3	10	4,08
RM20,000-RM29,999	1	3	4	1,63
RM30,000-RM39,999	5	0	5	2,04
RM40,000-RM49,999	4	0	4	1,63
Lebih RM50,000	2	5	7	2,86
Jumlah	213	32	245	100,00

Nota: Ujian Chi-Square signifikan pada aras keertian 1%

Kajian ini juga menunjukkan terdapat ramai responden masih tidak memahami tentang harta yang dikenakan zakat iaitu samada harta yang *diittifak* atau harta yang *diikhtilaf* oleh ulama'. Sebanyak 50,8 persen tidak mempunyai kefahaman yang jelas berbanding 49,2 persen yang memahaminya dengan jelas. Oleh kerana ramai yang tidak memahaminya dengan jelas menyebabkan kebarangkalian ramai responden tidak membayar zakat pertanian. Ini ditunjukkan daripada jadual 4 dimana daripada seramai 425 responden yang tidak memahaminya, hanya 17 responden yang membayar zakat pertanian. Ini menunjukkan aspek kefahaman harta yang dikenakan zakat amat penting mempengaruhi pembayaran zakat. Walau bagaimanapun masih ramai lagi yang memahami konsep tersebut tetapi masih lagi tidak membayar zakat. Hanya 36 responden daripada 376 responden yang memahaminya yang membayar zakat pertanian. Antara faktor yang berkemungkinan mereka tidak membayar zakat pertanian adalah disebabkan mereka mengusahakan pertanian untuk tujuan perniagaan yang menyebabkan mereka membayar zakat perniagaan. Namun begitu bilangan responden yang berbuat demikian adalah sedikit. Ia juga berkemungkinan mereka tidak membayarnya melalui institusi formal disebabkan persepsi mereka yang negatif terhadap pengagihan zakat oleh institusi formal. (Lihat Jadual 5)

Daripada hasil kajian di atas jelas menunjukkan terdapat kecenderungan mereka yang membayar zakat pertanian amat bergantung kepada aspek kefahaman mereka dalam hukum-hakam zakat. Kajian ini menguji pelbagai pembolehubah yang dijangkakan mempengaruhi pembayaran zakat pertanian dengan menggunakan persamaan (7). Analisis regresi logistik dilakukan untuk mengenalpasti apakah pembolehubah yang signifikan mempengaruhi pembayaran zakat pertanian dan apakah hubungan antara pembolehubah tersebut dengan kebarangkalian membayar zakat pertanian.

Daripada *Jadual 6*, terdapat empat pembolehubah yang signifikan mempengaruhi pembayaran zakat pertanian dan berhubungan secara positif yang ditunjukkan oleh nilai log nisbah *odds* (koefisien). Keempat-empat pembolehubah tersebut adalah umur, pengetahuan agama bilangan tanggungan dan kefahaman zakat. Hasil kajian ini mendapati, faktor pengetahuan zakat amat mempengaruhi pembayaran zakat dan telah ditunjukkan oleh pembolehubah pengetahuan agama dan kefahaman yang jelas mengenai zakat harta. Kesan magnitud bagi pembolehubah tersebut dapat dijelaskan melalui nilai Exp (B). Contohnya bagi pembolehubah pengetahuan agama, 1 unit kenaikan akan menyebabkan kebarangkalian kenaikan dalam pembayaran zakat pertanian adalah sebanyak 128 persen. Ia berhubungan secara positif dan signifikan pada aras keertian

Jadual 5. Ujian Silang antara Kefahaman Harta dikenakan Zakat dengan Membayar Zakat Pertanian

Kefahaman Harta yang dikenakan Zakat	Bayar Zakat Pertanian		Jumlah	Peratusan
	Tidak	Ya		
Faham	376	36	412	49,2
Tidak Faham	408	17	425	50,8
Jumlah	784	53	837	100,0

Nota: Ujian Chi-Square signifikan pada aras keertian 1 %

Jadual 6. Hasil Keputusan Regresi Logistik Binomial

Pembolehubah Bebas	Koefisien	Exp Koefisien	Statistik Wald
Konstan	-5,602***	0,004	48,857
Jantina	-0,046	0,955	0,018
Umur	0,375**	1,455	4,489
Taraf Perkahwinan	0,211	1,235	0,393
Pengetahuan Agama	0,826**	2,284	5,705
Pendidikan	0,257	1,294	0,494
Pendapatan	0,272	1,313	2,472
Bil tanggungan	0,382**	1,465	3,836
Perbelanjaan	-0,276	0,759	1,549
Puas hati agihan zakat	0,165	1,179	0,276
Kefahaman Zakat	0,572*	1,771	2,957

Nota : Jadual klasifikasi benar keseluruhan adalah 93,2 %

*** Signifikan pada aras keertian 1%

** Signifikan pada aras keertian 5%

* Signifikan pada aras keertian 10%

5 persen. Bagi pembolehubah kefahaman zakat pula, 1 unit peningkatannya akan memberi kesan kepada peningkatan pembayaran zakat pertanian sebanyak 77,1 persen dan signifikan pada aras keertian 10 persen. Ini jelas menunjukkan faktor pengetahuan agama dan zakat amat mempengaruhi pembayaran zakat terutamanya zakat pertanian. Hasil kajian ini menyokong kajian Mohd Ali dan et al (2001) dimana kajian tersebut membuktikan aspek iman dan pengetahuan zakat amat signifikan mempengaruhi pembayaran zakat.

Walau bagaimanapun pembolehubah lain tidak signifikan mempengaruhi pembayaran zakat pertanian. Pembolehubah pendapatan contohnya hanya signifikan pada aras keertian 11,6 persen yang tidak menyokong kajian Zyadi dan Mariani (1999) yang menyatakan terdapat hubungan yang signifikan. Ini kemungkinan disebabkan pendapatan dan hasil sektor pertanian yang tidak menentu dan amat kecil yang mempengaruhi pembayaran zakat. Begitu juga pembolehubah persepsi agihan zakat, ia tidak signifikan mempengaruhi pembayaran zakat. Ini bermakna walaupun pusat

zakat berjaya meningkatkan keyakinan pembayar zakat dalam aspek agihan kepada asnaf, namun ia tidak mempengaruhi pembayaran zakat pertanian secara signifikan. Namun begitu hasil kajian ini jelas menunjukkan aspek kefahaman serta pengetahuan agama terutamanya zakat amat mempengaruhi pembayaran zakat.

KESIMPULAN

Terdapat banyak sumber diikhtilaf dalam sektor pertanian dan ternakan yang boleh dizakat. Ini memandangkan majoriti masyarakat menunjukkan persetujuan dan bersedia membayar zakat walaupun harta tersebut adalah tergolong dalam harta yang *diikhtilaf*. Peningkatan persepsi ini boleh ditingkatkan samada mereka yang membayar zakat pertanian atau masih belum membayar lagi dengan memberi kefahaman yang jelas kepada masyarakat tentang aspek harta yang dikenakan zakat. Ini akan meningkatkan lagi keyakinan dan penerimaan masyarakat tentang zakat dan seterusnya akan meningkatkan jumlah individu yang membayar zakat. Tindakan ini akhirnya akan meningkat-

kan lagi jumlah kutipan zakat oleh pusat zakat. Ini secara tidak langsung dapat menjayakan fungsi dan peranan institusi zakat sebagai badan penjamin keadilan ekonomi dan sosial.

DAFTAR PUSTAKA

- Wahbah, Al-Zuhaili, 1996. *Fiqh dan Perundangan Islam* (terj.) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hailani, Muji Tahir. 2004. Kedudukan Illah, Nisab Kadar dan Haul dalam Menjana Sumber Zakat Korporat. dalam Prosiding Seminar Halatuju Zakat Korporat di Alaf Baru. Kumpulan Kajian Zakat, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Kamil, Md Idris, Chek Derashid dan Engku Ismail. 1997. *Zakat Penggajian: Suatu Tinjauan terhadap Pengetahuan dan Amalan Muslimin Negeri Perlis*. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Penyelidikan Universiti, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah
- Kamil, Md Idris, 2002. Kesan Persepsi Undang-Undang dan Penguatkuasaan Zakat terhadap Gelagat Kepatuhan Zakat Pendapatan Gaji. Kertas kerja dibentangkan di Muzakarah Pakar Zakat, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Mahmood, Zuhdi Abdul Majid. 1992. *Syarat Haul: Satu Penilaian terhadap Pandangan Al-Qardawi dalam Masalah Zakat Gaji dan Pendapatan Profesional*. Medium Vol. 2, Universiti Malaya.
- Md Zyadi Tahir & Mariani Majid. 1999. *Prestasi Kutipan Dan Agihan Zakat di Malaysia*. dalam Pancasidang Seminar Pengeluaran Awam dan Swasta: Justifikasi dan Realiti di Malaysia. Fakulti Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia. Pp 293-306.
- Mohd Ali, Mohd Noor, Hairunizam Wahid dan Nor Ghani Md Nor. 2003. *Kesedaran Membayar Zakat Pendapatan Kakitangan Profesional: Kajian Kes di Universiti Kebangsaan Malaysia*, dlm Pascasidang Seminar Dasar Awam dalam Era Globalisasi: Penilaian Semula Ke Arah Pemantapan Strategi. Fakulti Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia. Pp397-404.
- Sabiq, Sayid. 1981. *Fikih Sunnah* (terj.) Jilid I – Jilid 4. Bandung: P T Alma'arif.
- Sanep Ahmad & Hairunnizam Wahid. 2004. *Kesan Prestasi Agihan oleh Institusi Formal Ke atas Kepatuhan Membayar Zakat*. Kertas Kerja dibentangkan di Daya Saing Ekonomi dan Sosial Ke Arah Pemantapan Pembangunan Ekonomi. Fakulti Ekonomi & Perniagaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

**Jurnal Manajemen dan Bisnis diterbitkan oleh:
Balai Penelitian dan Pengembangan Ekonomi (BPPE)
Fakultas Ekonomi Universitas Muhammadiyah Surakarta
bekerja sama dengan
Ikatan Sarjana Ekonomi Indonesia Cabang Surakarta Jawa Tengah Indonesia**